

SM Sains Labuan Juara Kuiz KSAS

Juara Kuiz Sains Alam Semula Jadi 2004, (dari kiri) Muhd Sulaeman, Arnold Debully, Nik Azida Nik Mahmood (guru pengiring) dan Nurul Syuhadah menerima Piala Pusingan, piala iringan

dan wang tunai cepumas RM2,500 di D'Village Resort, Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.

KSAS 2004 yang bertemakan Hutan Khazanah Untuk Semua dianjurkan Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Kementerian Pelajaran dan Berita Harian Sdn Bhd melalui akhbar SKOR, manakala Subsidiari-Subsidiari ExxonMobil sebagai penaja. Lihat muka 18. – Gambar oleh Afendi Mohamed

